

Arahan: dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Tuliskan kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.



1. Semua murid-murid dikehendaki berkumpul di dewan sekolah.

Yang salah: _____

Jawapan yang betul: _____



2. Koleksi barang-barang antik Pak Hamid itu disimpan dengan baik.

Yang salah: _____

Jawapan yang betul: _____



3. Abang menyapu dedaun-dedaun kering di halaman rumah.

Yang salah: _____

Jawapan yang betul: _____



4. Peserta-peserta yang bertanding dalam pertandingan Dewi Remaja itu cantik-cantik belaka.

Yang salah: _____

Jawapan yang betul: _____



5. Beberapa ekor anak-anak ayam sedang makan beras yang ditaburkan oleh Aidil.

Yang salah: _____

Jawapan yang betul: _____



6. Jejari-jejari basikal Raju bengkok selepas terlanggar tembok batu di tepi jalan itu.

Yang salah: _____

Jawapan yang betul: _____